



**SURAT PEKELILING CIDB – BIL. 2/2022**  
**PEMAKLUMAN PENGENAAN SEKATAN DAN CAJ PENTADBIRAN BAGI PROSES**  
**MEMBUKA SEKATAN DI DALAM SISTEM *CENTRALIZED INFORMATION***  
***MANAGEMENT SYSTEM (CIMS) CIDB***

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pihak di dalam industri pembinaan yang terlibat dengan apa-apa kerja-kerja pembinaan hendaklah memastikan kerja pembinaan dijalankan mengikut peruntukan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Akta 520), peraturan, syarat dan terma dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Selain itu, bagi meningkatkan tahap kepatuhan dan tanggungjawab mana-mana orang yang terlibat dalam industri pembinaan, CIDB melaksanakan tindakan Sekatan terhadap mana-mana orang yang melanggar Akta 520, peraturan, syarat dan terma dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Sekatan ini akan dibuat melalui sistem *Centralized Information Management System (CIMS) CIDB*.

**2. OBJEKTIF**

- 2.1 Meningkatkan tahap kepatuhan dan tanggungjawab oleh mana-mana orang yang terlibat dalam industri pembinaan terhadap Akta 520, peraturan, syarat dan terma serta Undang-Undang Bertulis yang lain.
- 2.2 Menghalang mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta 520, peraturan-peraturan, syarat dan terma yang dikuatkuasakan dari mempunyai akses kepada sistem CIMS CIDB.
- 2.3 Membantu pihak pemilik projek dan orang awam dalam memilih kontraktor yang dapat menyiapkan dan menyempurnakan suatu kerja-kerja pembinaan dengan lebih baik.

**3. SEKATAN**

- 3.1 Sekatan merupakan satu tindakan pentadbiran yang menyekat atau menghalang mana-mana orang dalam industri pembinaan untuk mengakses ke semua jenis perkhidmatan yang disediakan oleh CIDB melalui sistem CIMS CIDB.
- 3.2 Sekatan terhadap ketidakpatuhan yang dikuatkuasa adalah seperti berikut:-
  - i. Tidak mematuhi atau memenuhi kehendak notis, surat atau arahan yang dikeluarkan oleh CIDB;

- ii. Tidak membuat pengisyiharan levi, maklumat kontraktor, maklumat projek, personel binaan, akreditasi, pusat latihan bertauliahan (PLB), dan personel binaan (EP2B);
- iii. Tidak mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain, apa-apa penghakiman, perintah, arahan yang dikenakan oleh mahkamah yang berbidang kuasa termasuklah timbang tara atau adjudikasi;
- iv. Tidak menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan;
- v. Kegagalan menjelaskan bayaran tuntutan (notis tuntutan) dan atau dalam tindakan sivil.

#### **4. PROSES SEKATAN**

- 4.1 Proses sekatan akan dilaksanakan serta merta setelah berlakunya ketidakpatuhan pada perenggan 3.2 pekeliling ini.
- 4.2 Mana-mana Surat pemakluman, Arahan atau Notis terhadap mana-mana orang yang terlibat adalah boleh melalui serahan tangan, pos berdaftar dan atau mel elektronik (Email). CIDB akan menggunakan maklumat atau alamat terakhir yang diisyiharkan oleh mana-mana orang atau syarikat kontraktor dalam sistem CIMS CIDB.
- 4.3 Pemberitahuan sekatan adalah dipaparkan dalam Profail Kontraktor sistem CIMS CIDB.

#### **5. PENGENAAN CAJ**

- 5.1 Kadar Caj Pentadbiran terhadap mana-mana orang yang dikenakan sekatan untuk membuka sekatan adalah seperti di *Jadual 1: Kadar Caj*.

*Jadual 1 : Kadar Caj*

BIL.	KETIDAKPATUHAN	SEKATAN	KADAR CAJ (RM)
1.	Tidak mematuhi atau memenuhi kehendak Notis, Surat atau Arahan yang dikeluarkan oleh CIDB	SYARIKAT KONTRAKTOR DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH	200.00
2.	Tidak membuat pengisyiharan levi, projek, maklumat kontraktor, personel binaan, akreditasi, pusat latihan bertauliahan (PLB)		
3.	Tidak menjelaskan bayaran Kompaun dalam tempoh yang ditetapkan		
4.	Tidak mematuhi peruntukan undang-undang bertulis lain, apa-apa penghakiman, perintah, arahan yang dikenakan oleh mahkamah yang berbidang kuasa termasuklah timbang tara atau adjudikasi		
5.	Kegagalan Menjelaskan Bayaran Tuntutan (Notis Tuntutan) dan atau Dalam Tindakan Sivil		
6.	Tidak Membuat Pengisyiharan Personel Binaan (EP2B)	SYARIKAT	

- 5.2 Kadar caj pentadbiran mengambil kira tambahan dan bebanan tugas pegawai, penyelenggaraan dokumen, penyelenggaraan sistem, kompleksiti pemprosesan, penyemakan dan pengesahan dokumen.

## 6. PEMBAYARAN

- 6.1 Pembayaran caj pentadbiran ini boleh dibayar secara:-
- i. *Bank Draft* atau *Bankers' Cheque* kepada "Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia" dan dipalang dengan perkataan "Akuan Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan secara sendiri di kaunter Pejabat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia;
  - ii. Kad Debit atau Pemindahan Wang secara Elektronik (EFT) di mana-mana kaunter Pejabat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

## 7. TARIKH KUATKUASA

Pengenaan Sekatan terhadap ketidakpatuhan yang telah dinyatakan di atas adalah **SERTA MERTA**. Manakala, Caj Pentadbiran di perenggan 5 akan dikenakan pada atau selepas **1 September 2022**.

## 8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan pekeliling ini boleh merujuk kepada:-

- 1) CIDB Careline  
Tel: 03-5567 3300  
Laman Sesawang: <https://www.cidb.gov.my/ms/e-bantuan>
- 2) Pengurus Besar  
Bahagian Pematuhan  
Sektor Penguatkuasaan  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)  
Tingkat 29, Menara Dato' Onn (WTC)  
No 45, Jalan Tun Ismail  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 03-40477400 Fax : 03-40477410

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BINA SEMPURNA"

(Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid)

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

JULAI 2022